

PENDAHULUAN

Pembinaan Abattoir ruminan mestilah mengambilkira beberapa perkara seperti:

a. Lokasi

Tidak dibina berdekatan dengan sekolah, rumah perubatan, pekan/bandar, hospital dan kemudahan awam yang lain. Mestilah dibina di kawasan yang tidak berpaya atau tempat air bertakung.

b. Kemudahan asas

Mestilah ada kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, telefon, elektrik dan air. Untuk ruminan 1000 liter setiap 1 ekor. Dan semua ini adalah memudahkan semua aktiviti harian Abattoir.

c. Bahan buangan

Mestilah ada kawasan untuk membina kolam sebagai tempat membuang sisa seperti sisa air dari loji serta hasil buangan dari sisa perut.

d. Fasaliti/ peralatan

Fasaliti/Peralatan di abattoir mestilah mesra pekerja dan sesuai dengan situasi.

e. Ketinggian bangunan

Sekurang-kurangnya 15 kaki dari paras lantai.

f. Lantai

Lantai mestilah dari bahan tidak resap air. Mempunyai radian 1:50in untuk memastikan air tidak bertakung di lantai.

Dicetak oleh: JPHPT Sabah, 2007
Ruj: JPHPT(T)KK/100-35/3(19)

g. Knocking Box

Sebaiknya mesti ada *knocking box* untuk memudahkan haiwan dikendalikan sebelum pemotongan.

h. Cradle

Untuk memastikan haiwan yang telah di sembelih tidak menyentuh lantai.

i. Railing

Untuk memudahkan karkas dipindah dari satu tempat ke tempat lain.

j. Inspector stand

Untuk memudahkan pemeriksaan karkas.

k. Viscera Trolly

Untuk memudahkan pemeriksaan *offal* semasa pemeriksaan *post mortem* dijalankan

l. Komponen yang mesti ada

Komponen yang mesti ada dalam sebuah abattoir ialah seperti pejabat, bilik persalinan, tandas, *ante-room*, *bleeding room*, *slaughter floor*, bilik *offal*, *chiller* dan bilik nyah tulang. (*Deboning*)

m. Yard

Keluasan yang sesuai adalah 1.7m² bagi setiap seekor ruminan besar.

REKABENTUK ABATOIR RUMINAN



**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
DAN PERUSAHAAN TERNAK
SABAH**

Tel: 088-287400; Fax: 088-238418
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/hwan>

“Pertanian Adalah Perniagaan”